

20/05/1999

ITM mampu jadi universiti mega

SHAH ALAM, Rabu - Institut Teknologi Mara (ITM) mampu menjadi mega universiti pertama di negara ini menjelang tahun 2000 dengan menawarkan kursus pelbagai peringkat iaitu daripada sijil hingga doktor falsafah, kata Rektornya, Datuk Dr Ahmad Zaidee Laidin.

Beliau berkata, ITM yang memiliki rangkaian kampus di seluruh negara mampu menawarkan kursus kepada 100,000 penuntut bagi setiap sesi pengambilan itu membabitkan pengajian secara sepenuh masa, separuh masa dan sistem francais.

Menurutnya, ITM akan terus memberi fokus kepada menghasilkan profesional di bidang sains dan teknologi walaupun kini ia sudah mengembangkan kursus ke pelbagai bidang pengajian.

Katanya, buat masa ini kira-kira 70,000 pelajar diterima masuk bagi setiap sesi pengajian yang menawarkan hampir 150 kursus dalam 17 fakulti membabitkan sijil, diploma, sarjana, sarjana muda dan doktor falsafah.

"ITM kini berfungsi dan setaraf dengan universiti lain walaupun masih mengekalkan nama pada Institut Teknologi Mara," katanya di majlis perasmian Simposium dan Pameran Telekomunikasi dan Wireless Antarabangsa '99 (IWTS) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hotel ITM, di sini, hari ini.

Simposium dan pameran anjuran Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia yang berlangsung sehingga 21 Mei itu diadakan di Pusat Persidangan dan Intekma Resort, di sini.

Selain Fakulti Kejuruteraan Elektrik ITM, syarikat yang mengambil bahagian dalam pameran itu ialah Telekom Malaysia, Time Telekom, Iris Technology, Lucent Technology, Siemens, Cisco Systems, Celcom, 3 Com dan Qualcomm.

Ahmad Zaidee berkata, IWTS '99 adalah program ke tiga anjuran fakulti dan kementerian berkenaan dalam usaha meningkatkan kesedaran dikalangan ahli akademik dan sektor industri mengenai perkembangan dalam bidang telekomunikasi dan wireles.

"Sebagai satu institusi pengajian tinggi utama di negara ini, kegiatan sebegini adalah sebahagian daripada sumbangan kita terhadap teknologi yang berkembang pesat.

"Usaha ini juga adalah selaras dengan rancangan kerajaan untuk menjadikan masyarakat celik teknologi bagi mencapai status negara maju sepenuhnya menjelang 2020," katanya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik ITM yang juga Pengerusi ITWS '99, Dr Ahmad Hairi Abu Bakar, berkata kira-kira 160 kertas kerja akan dibentangkan, termasuk 30 peratus oleh peserta tempatan.

Katanya, pihak ITM berbangga kerana program itu mendapat sambutan menggalakkan apabila seramai 250 peserta dari 20 negara mengambil bahagian.

(END)